

17/09/1997

Malaysia setuju latih pegawai Sri Lanka

KUALA LUMPUR, Selasa - Sri Lanka meminta kerjasama Malaysia melatih pegawai awamnya dalam usaha kerajaan negara itu melaksanakan reformasi pentadbiran awam.

Permintaan itu adalah antara perkara yang dibangkitkan pada perbincangan di antara Presiden Sri Lanka, Chandrika Kumaratunga dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Pejabat Perdana Menteri hari ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Sri Lanka berminat menimba pengalaman Malaysia yang sudah pun berjaya mengadakan reformasi pentadbiran awam.

"Mereka berharap kerajaan Malaysia dapat menerima beberapa pegawai yang akan dihantar ke Malaysia untuk mengikuti latihan-latihan tertentu atau yang datang untuk lawatan sambil kerja," katanya kepada pemberita selepas pertemuan itu.

Dr Mahathir menyatakan bahawa Malaysia bersedia memberi latihan yang diperlukan oleh kerajaan Sri Lanka.

Abdullah berkata, kedua-dua pemimpin bersetuju supaya hubungan Malaysia-Sri Lanka dipertingkatkan dengan antara lain, memperluaskan kerjasama dalam bidang ekonomi, pelaburan, latihan dan teknologi maklumat.

Mereka juga menyentuh beberapa isu antarabangsa, termasuk menggalakkan hubungan yang lebih rapat antara Asean, yang dianggotai Malaysia, dengan Pertubuhan Kerjasama Serantau Asia Selatan (SAARC), yang disertai Sri Lanka.

Dr Mahathir, yang akan menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Edinburgh, Scotland, menyatakan satu daripada isu yang akan dibangkitkannya ialah mengenai pasaran kewangan dan saham serta manipulasi mata wang. - Bernama

(END)